

PENAMAAN - MAHATHIR

1982  
JITRA, 7 APRIL (BERNAMA) -- LEBIH 1,000 ORANG ANGGOTA DAN PENYOKONG BARISAN NASIONAL TELAH BERARAK MENGHANTAR DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD UNTUK MENGEMUKAKAN KERTAS PENCALONANNYA DI PEJABAT DAERAH KUBANG PASU PAGI INI.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PENERUSI BARISAN NASIONAL AKAN DITENTANG OLEH TIMBALAN PRESIDEN PAS HAJI YUSOF RAWA, 59, BAGI MEREPUT KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG BERPAKAIAN BAJU MELAYU TIBA DI PUSAT PENAMAAN CALON ITU CUMA BEBERAPA MINIT SELEPAS PUKUL 10 DAN MENGEMUKAKAN KERTAS PENCALONANNYA PUKUL 10.05 PAGI.

BELIAU MENYERAHKAN KERTAS PENCALONAN KEPADA PEGAWAI PENGURUS PILIHANRAYA ENCIK JAMALUDDIN JAMIL.

PERARAKAN MENGHANTAR PERDANA MENTERI DAN DUA ORANG LAGI CALON BARISAN NASIONAL YANG AKAN BERTANDING DI PERINGKAT NEGERI - DATUK HAJI OSMAN HAJI AROFF, 43 (JITRA) DAN HAJI HANAFI RAMLI, 38, (TUNJANG) BERMULA DARI PJABAT UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU. -- BERSAMBUNG 1219/MK

B524

PENAMAAN-MAHATHIR 2 JITRA

SEPANJANG PERJALANAN KE PUSAT PENAMAAN CALON, PARA PENYOKONG BARISAN NASIONAL MELAUUNG-LAUNGKAN COGANKATA '+BERJAYA' BERJAYA'+.

HAMPIR KESEMUA PARA PENYOKONG BARISAN NASIONAL MEMAKAI BAJU -T YANG MEMAPARKAN GAMBAR DATUK SERI DR. MAHATHIR, DATUK HAJI OSMAN DAN HAJI HANAFI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN RAKAN-RAKAN BARISAN NASIONAL TURUN KE PERKARANGAN SELEPAS 10 MINIT BERADA DALAM BILIK PENAMAAN CALON.

SEBAIK TURUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH BERAMAH-MESRA DAN BERSALAM-SALAM DENGAN ORANGRAMAI TERMASUK PARA PENYOKONG PAS YANG KEBETULAN MENUNGGU DEKAT TANGGA.

LAWANNYA HAJI YUSOF RAWA YANG JUGA BEKAS DUTA BESAR MALAYSIA KE IRAN LEBIH KIRA-KIRA 20 MINIT AWAL DARI DATUK SERI DR. MAHATHIR. BELIAU DIIRINGI OLEH DUA ORANG CALON PAS UNTUK NEGERI IAITU PENIAGA HAJI SALLEH YAKOB, 45, (JITRA) DAN USTAZ ABU KASSIM ABDULLAH, 36, (TUNJANG). --BERSAMBUNG 1220/MD  
PARA 3 BACA RAKAN-RAKAN CALON BARISAN NASIONAL TURUN....

B525

PENAMAAN - MAHATHIR 3 JITRA

HAJI YUSOF RAWA YANG BERTONGKAT BERARAK BERSAMA-SAMA PARA PENYOKONG PAS DARI SEBUAH RUMAH DI JALAN CHANGLON KIRA-KIRA SETENGAHKILOMETER KE PUSAT PENAMAAN CALON.

WALAUPUN TIBA LEBIH AWAL, HAJI YUSOF DAN DUA ORANG CALON PAS NEGERI KELUAR DARI BILIK PENAMAAN CALON KEMUDIAN DARIPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

TERIAKAN 'ALLAHUAKHBAR BERGEMA BERKALI-KALI MENYAMBUT HAJI YUSOF DAN CALON-CALON PAS APABILA MEREKA TURUN DARI TANGGA. HAJI YUSOF MENYAMBUT TERIAKAN ITU DENGAN MELAMBAI-LAMBAIKAN TANGANNYA.

PERKARANGAN PEJABAT DAERAH KUBANG PASU PENUH SESAK BUKAN SAJA OLEH PARA PENYOKONG KEDUA-DUA PARTI TETAPI JUGA ORANGRAMAI DAN KAUM WANITA. -- BERSAMBUNG 1226/MK

B526

PENAMAAN - MAHATHIR 4 JITRA

BERCAKAP KEPADA BERNAMA SELEPAS ITU, HAJI YUSOF RAWA MENYERAH-KAN KEPADA 'ALLAH' SOAL KEMENANGAN.

+TETAPI SEKALI MASUK GELANGGANG, SAYA AKAN BERTANDING HABIS-HABISAN,+ TEGASNYA.

DITANYA TENTANG JENTERA PILIHANRAYA PAS KHUSUSNYA DI KUBANG PASU, BELIAU BERKATA WALAUPUN PAS MERUPAKAN SEBUAH PARTI MISKIN +KAMI AKAN CUBA SEDAYA UPAYA.+

HAJI YUSOF RAWA PERNAH MENEWASKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DALAM REBUTAN KERUSI PARLIMEN KOTA SETAR SELATAN DALAM PILIHANRAYA UMUM 1969. TETAPI KETIKA ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR CUMA CALON BIASA UMNO. -- BERNAMA 1227/MK